

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk membesarkan atau memindahkan Lapangan Terbang Kota Kinabalu ke satu tempat yang sesuai memandangkan lapangan terbang ini telah "*overcapacity*".

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) sedia ada direkabentuk untuk menampung pengendalian 9 juta penumpang setahun (mppa). Jumlah penumpang yang telah dikendalikan pada tahun 2018 di LTAKK telah mencapai sebanyak 8.6 juta penumpang iaitu hampir 95% daripada kapasiti sedia ada. Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sebelum dari ini telah mengunjurkan kapasiti LTAKK akan mencapai had kapasiti maksimum pada tahun 2021.

2. Pada ketika ini, Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk memindahkan LTAKK ke lokasi yang baharu mengambil kira pelaburan sebanyak RM1.6 billion pada tahun 2006 yang telah dilaburkan oleh Kerajaan untuk menaiktaraf lapangan terbang tersebut.

3. Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf LTAKK bagi meningkatkan lagi kapasiti sedia ada bagi menampung perkembangan industri penerbangan. Sehubungan itu, satu Kajian Pelan Induk mengenai pembesaran LTAKK akan dijalankan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad dan pihak perunding kajian dijadualkan akan dilantik pada bulan Ogos 2019. Kajian tersebut akan mengambil masa selama 7 bulan dan dijangka siap pada suku kedua tahun 2020. Hasil kajian ini akan menentukan samada LTAKK ini akan diperbesarkan atau dipindahkan ke satu tempat yang sesuai.

4. Dalam pada itu, Kementerian ini juga mengambil maklum bahawa Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA) sedang menjalankan Kajian Pelan Induk untuk Hub Penerbangan Dan Logistik Fret Udara di Sabah. Kajian ini akan mengkaji beberapa opsyen sama ada menaiktaraf LTAKK sedia ada atau memindahkan LTAKK ke lokasi baru. Namun demikian, kajian ini masih berjalan dan di peringkat Laporan Draf Akhir. Kerajaan akan meneliti cadangan kajian setelah ianya dimuktamad dan dikemukakan oleh SEDIA.

Sekian, terima kasih.